

21 NOV 1997

MENTERI PERDAGANGAN APEC NAK BINCANG PELONGGARAN 15 SEKTOR KELUARAN

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

VANCOUVER, 21 Nov (Bernama) -- Menteri-menteri perdagangan dari 18 negara anggota Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) akan membincangkan Pelonggaran Sektor Sukarela Awal (EVSL) 15 sektor keluaran yang dipilih oleh pegawai kanan masing-masing dari senarai asal berjumlah 62 sektor pada mesyuarat mereka bermula esok.

Ini termasuk saranan Malaysia mengenai minyak bijian dan keluaran minyak, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz kepada wartawan Malaysia sejurus selepas tiba di bandar raya British Columbia ini. Sektor keluaran ini dipilih oleh pegawai-pegawai kanan itu pada penghujung mesyuarat mereka yang baru berakhir.

Rafidah berkata, daripada 15 sektor ini, kami mahu mengenal pasti satu senarai sebagai sebahagian daripada program kerja ke arah forum Apec di Kuala Lumpur tahun depan.

Di samping minyak bijian dan keluaran minyak bijian, sektor keluaran lain yang dikenal pasti oleh pegawai-pegawai kanan dalam mesyuarat dua hari itu ialah barang mainan, ikan dan keluaran ikan, barangan dan perkhidmatan alam sekitar, keluaran hutan, permata dan barang kemas, kimia, perjanjian pengiktirafan bersama telekomunikasi, tenaga, makanan, getah, baja, kereta, kelengkapan perubatan dan pesawat penerbangan awam.

Menurut Rafidah, Kuala Lumpur telah mengenal pasti beberapa keluaran, selain daripada minyak bijian dan keluaran minyak bijian, tetapi beliau mendapati bahawa semua cadangan itu perlu dikaji secara menyeluruh, terutama tentang berapa luas dan bila Malaysia boleh membuka pasarannya bagi barangan ini.

"Malaysia mungkin atau mungkin tidak melanggan sebahagian daripada barangan ini, terpulang kepada sentitiviti kita, begitu juga negara-negara lain...sebab itulah kajian perlu dibuat tentang implikasi dan tujuannya," jelas beliau.

Perkara-perkara lain dalam agenda mesyuarat menteri-menteri itu termasuk perbincangan mengenai Apec dan haluannya di masa akan datang.

"Kami juga akan membincangkan secara umum krisis mata wang...kita mahu pemimpin-pemimpin membincangkan dengan lebih mendalam tentang isu-isu yang lebih penting seperti isu mata wang," kata Rafidah.

Kesemua 18 pemimpin Apec, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menghadiri Mesyuarat Pemimpin Apec di Pusat Perdagangan dan Konvensyen Vancouver pada hari Isnin.

Kata Rafidah menteri-menteri itu akan juga membincangkan cadangan kemasukan ke dalam Apec, termasuk Vietnam dan Peru seperti yang dianjurkan oleh Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, beliau mendapati bahawa beberapa negara lain berminat untuk menyertai Apec, iaitu India, Pakistan, Macau, Mongolia, Panama, Colombia, Sri Lanka dan Ecuador.

Katanya: "Biasanya, keahlian mestilah dengan kata sepakat...Apec harus menerima kemasukan negara-negara yang ada kaitan langsung dengan program kerja Apec.

"Kita mesti cuba kekalkan Apec sebagai pertubuhan yang mudah diurus, jika tidak ia akan menjadi seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)."

Anggota-anggota Apec yang ada sekarang ialah Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong SAR, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, Rafidah menolak kemungkinan menteri-menteri itu membincangkan tindakan Amerika Syarikat menggunakan perundangan negaranya ke atas negara lain.

"Ini tidak akan dibincangkan semata-mata kerana AS turut serta dalam mesyuarat itu dan isu tersebut telahpun dibincangkan di mesyuarat-mesyuarat WTO.

"Tetapi, tentu sekali AS faham perasaan anggota Apec berhubung dengan penggunaan perundangan negaranya ke atas negara lain," tambah beliau.

Rafidah menjelaskan bahawa pemimpin-pemimpin Apec akan membincangkan laporan dari mesyuarat menteri-menteri, termasuk perbincangan tentang EVSL, di samping taklimat oleh Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) yang dijangka membuat banyak cadangan.

Katanya ahli-ahli ABAC terdiri daripada ketua-ketua eksekutif korporat dari negara-negara Apec. Malaysia diwakili oleh pengerusi eksekutif MAS Tan Sri Tajudin Ramli, pengarah urusan YTL Corp Tan Sri Francis Yeoh dan ketua eksekutif kumpulan Sime Darby Tan Sri Nik Mohamed Yaacob.

"Cadangan-cadangan mereka amat menyeluruh, mencerminkan pelbagai kepentingan masyarakat perniagaan dalam Apec," kata Rafidah tentang ABAC.

Apabila ditanya tentang kemungkinan ditimbulkan cadangan pengurangan tarif selanjutnya bagi memudahkan Apec menghadapi keadaan turun naik di pasaran kewangan, Rafidah menjelaskan: "Negara-negara membuka pasaran mereka kerana banyak sebab. Misalnya, Malaysia membuka ekonominya jika ia mendapati industrinya sendiri berkeadaan cukup kuat untuk bersaing dalam pasaran.

"Sama ada terdapat masalah mata wang atau tidak, tidak ada sebab kenapa kita mahu mengenakan perlindungan tarif, tambahan pula jika mentadbirnya melibatkan kos yang lebih tinggi daripada memungutnya, tentu kita mahu menghapuskannya kerana ia tidak mencapai sebarang tujuan." -- BERNAMA

MFJ KY MA